

# 'Saya fikir masa depan Malaysia'

**Saya bukan orang yang mengambil komisen, 10 peratus atau suku peratus sekalipun. Jika ada siapa tuduh saya ambil, lapor pada saya**

- Abdullah Ahmad Badawi

KUCHING 5 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau tidak pernah memikirkan kepentingan diri sendiri dalam menunaikan tugas sebagai pemimpin nombor satu negara, sebaliknya hanya memikirkan masa depan Malaysia.

Menurut Abdullah, dirinya juga tidak pernah mengambil sebarang imbuhan kewangan daripada apa yang dilakukannya kerana beliau bukan orang jenis itu.

"Saya bukan orang yang mengambil komisen, 10 peratus atau suku peratus sekalipun. Jika ada siapa tuduh saya ambil, lapor pada saya," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) di Damai Lagoon Santubong dekat sini hari ini.

Perdana Menteri menambah, dalam setiap pemerintahan memang memerlukan pengorbanan dan setiap kerja yang dilakukan adalah untuk kepentingan rakyat.

Abdullah juga mengemukakan tugas sebagai Perdana Menteri sejak dua tahun enam bulan lalu adalah sesuatu yang sukar walaupun beliau mempunyai pengalaman 30 tahun dalam Kabinet dan politik.

Menurutnya, antara tugas paling sukar ialah ketika mengagihkan kerusi pilihan raya dan jawatan menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen.

"Saya tidak dapat memenuhi permintaan semua pihak tetapi budaya memberi dan menerima saya jadikan panduan bagi me-

nyesahkan masalah tersebut.

"Prinsip saya, setiap orang tidak boleh mendapat semua dan begitu juga setiap orang tidak boleh hilang segala-galanya," kata beliau.

Tambah Abdullah, semangat toleransi itu terbukti berkesan sewaktu diamalkan dalam pentadbiran Perdana Menteri yang terdahulu dan ia turut dipraktikkan dalam pentadbiran beliau.

Justeru, Abdullah yang menganggap SPDP sebagai parti bongsu dalam komponen Barisan Nasional (BN), menasihatkan pemimpinnya supaya menghayati semangat itu.

BN, kata beliau, hanya akan terus wujud jika terus mendapat sokongan daripada parti-parti komponen.

UMNO sendiri, kata Abdullah, tidak akan mendapat kekuatan sebagaimana sekarang jika ia tidak berada dalam BN.

Ini adalah kerana, kata beliau, parti-parti yang hanya memperjuangkan kepentingan satu kaum sahaja tidak akan membentuk kerajaan di negara ini.

"Kita lihat Pas, adalah sukar untuk mereka menubuhkan kerajaan di Kelantan, begitu juga di Terengganu, mereka ditolak oleh rakyat," katanya.

Sokongan semua kaum, kata beliau, adalah penting dan mana-mana parti tidak boleh bersendirian kerana hanya melalui permuafakatan sahaja akan melahirkan kekuatan dalam BN.



ABDULLAH Ahmad Badawi mencuba alat pengisar padi tradisional sambil diperhatikan dua Timbalan Ketua Menteri Sarawak iaitu George Chan (lima dari kiri) dan Alfred Jabu (kanan) semasa melawat Kampung Budaya di Santubong, Sarawak, semalam.